## APA ITU RANCANGAN TEMPATAN?

**Rancangan Fizikal Negara (RFN) Seksyen 6B (Akta 172)**

Perancangan di peringkat Negara di mana perundingan adalah di antara Pihak Berkuasa Negeri dan kelulusan oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara

Disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia

**Rancangan Struktur (RS) Seksyen 8, 9 & 10 (Akta 172)**

Perancangan di peringkat Negeri di bawah tanggungjawab Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri

Jawatankuasa Perancangan Negeri meluluskan RS dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri

**Rancangan Tempatan (RT) Seksyen 12, 13, 14 & 15 (Akta 172)**

Perancangan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBPT), iaitu Majlis Daerah Kerian dan JPBD Perak Darul Ridzuan meliputi keseluruhan daerah

Disediakan oleh PBPT dan diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri

**Rancangan Kawasan Khas (RKK) Seksyen 16B (Akta 172)**

Perancangan kawasan khas di mana ia memperincikan cadangan-cadangan dan tindakan khusus untuk satu kawasan yang telah dikenal pasti oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Negeri

Hendaklah dikenalpasti oleh Rancangan Tempatan Daerah

## TUJUAN PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KERIAN 2020

**TUJUAN 1**

Memperincikan aspirasi Rancangan Fizikal Negara 2 (RFN2) dan menterjemahkan dasar strategik Rancangan Struktur (RS) Negeri Perak 2020 di dalam Rancangan Tempatan Daerah Kerian.

**TUJUAN 2**

Melengkapkan tiga (3) peringkat sistem rancangan pemajuan yang terdiri daripada Rancangan Fizikal Negara di peringkat negara, Rancangan Struktur di peringkat Negeri Perak dan Rancangan Tempatan di peringkat Daerah Kerian.

**TUJUAN 3**

Menyediakan satu dokumen perancangan dan pelaksanaan yang boleh dirujuk oleh Majlis Daerah Kerian dan Jabatan Perancangan Bandar & Desa Perak Darul Ridzuan di dalam meningkatkan keberkesanan daya penyampaian (delivery system) dan mengawal pembangunan

**TUJUAN 4**

Menyediakan dokumen perancangan yang boleh dirujuk bersama oleh jabatan serta agensi lain di peringkat negeri dan daerah untuk menyelaras pembangunan mengikut matlamat dan objektif bagi memandu pembangunan daerah supaya menjadi lebih teratur dan sistematik

## MAHUKAH ANDA MELIBATKAN DIRI DI DALAM PEMBANGUNAN KAWASAN ANDA?

ANDA sebagai penduduk tempatan/pihak awam yang berkepentingan kini diberi peluang untuk melibatkan diri di dalam proses perancangan masa hadapan kawasan anda sepertimana yang diperuntukan di dalam Akta 172.

Sekiranya anda mempunyai apa-apa cadangan, ulasan atau bantahan terhadap mana-mana kandungan dalam Laporan Draf Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2020 ini, anda dialu-alukan untuk menyampaikannya melalui Borang Bantahan Awam yang disediakan dalam tempoh EMPAT MINGGU DARI TARIKH MULA PROGRAM PUBLISITI.

## PROGRAM PUBLISITI & PENYERTAAN AWAM

**ANDA BERPELUANG UNTUK BERSAMA MELIBATKAN DIRI DALAM PERANCANGAN DI KAWASAN ANDA!!!**

Hadirkan diri dan gunakan hak anda untuk memeriksa kandungan Draf Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2020 sepanjang pameran diadakan.

Tarikh : 28 Disember 2011 - 27 Januari 2012
Masa : 9.00 pagi - 4.00 petang (Hari Bekerja)
Tempat : Majlis Daerah Kerian
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan.

Anda boleh mengemukakan pandangan, bantahan atau cadangan dengan mengisi Borang Bantahan Awam yang disediakan dan anda diberi peluang menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan dan Pendengaran Awam dimana tarikh akan dimaklumkan kemudian.

---

# DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KERIAN 2020

PERAK

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Majlis Daerah Kerian
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan

## PROSES PENYEDIAAN LAPORAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH KERIAN 2020

Mobilisasi Kajian & Publisiti Awal → Asas Rujukan → Laporan Analisis & Strategi Pembangunan → Draf Rancangan Tempatan → Publisiti & Penyertaan Awam → Siasatan Tempatan & Pendengaran → PROSES PEWARTAAN

ANDA DI PERINGKAT INI (Publisiti & Penyertaan Awam)

Orang awam diberi peluang mengemukakan pandangan, cadangan serta bantahan

## BERSAMA KITA MERANCANG

1. Baca dan semak kandungan Laporan Draf Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2020 yang boleh didapati di tempat-tempat pemeriksaan laporan yang telah ditetapkan
2. Semak cadangan projek-projek pembangunan yang dikemukakan di dalam setiap kawasan kajian
3. Semak garispanduan pembangunan am dan khusus bagi komponen yang dicadangkan
4. Jika ada perkara yang ingin dipinda / bantahan / cadangan / pandangan, sila isi Borang Bantahan Awam yang boleh didapati di tempat-tempat pemeriksaan atau lawati:
   www.townplan.gov.my
   jpbd.perak.gov.my
   www.mdkerian.gov.my
5. Hantarkan borang ke alamat berikut:

Yang Dipertua
Majlis Daerah Kerian,
No1, Wisma MDK.
Jalan Padang,
34200 Parit Buntar,
Perak Darul Ridzuan
Tel : 05 - 716 1228
Faks : 05 - 716 9268

Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan
Tingkat 3 & 7, Bangunan Seri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30646 Ipoh/Perak Darul Ridzuan
Tel : 05-5225700
Faks : 05-255302

## PROGRAM PUBLISITI & PENYERTAAN AWAM